

14 NOV 1997

Mahathir-Pengguna

KURANG IMPORT, TINGKAT PRODUKTIVITI UNTUK ATASI KEJATUHAN NILAI RINGGIT

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Kejatuhan nilai ringgit yang disebabkan tindakan spekulator asing baru-baru ini perlu diatasi dengan mengurangkan penggunaan barangan import serta meningkatkan produktiviti, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia peringkat kebangsaan di Pusat Islam di sini, beliau berkata persatuan pengguna perlu menerangkan kepada orang ramai mengenai perkara berkenaan dalam usaha memerangi inflasi dan mempertahankan hak pengguna.

"Dan jika pihak asing yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang kita, kesatuan pengguna hendaklah mengecam pihak yang berkenaan kerana usaha kerajaan untuk memakmurkan rakyat selama 40 tahun telah digagalkan oleh mereka yang tamak ini dalam jangka masa hanya beberapa minggu," katanya pada majlis itu yang turut dihadiri para pemimpin persatuan pengguna, peniaga, guru dan murid-murid.

Dr Mahathir berkata penggunaan barangan import yang perlu dikurangkan bukan sahaja barangan pengguna tetapi juga barangan modal.

Tuntutan supaya upah dinaikkan kerana kos barangan tertentu yang diimport telah meningkat harganya tidak akan menyelesaikan masalah kerana kos barangan tempatan untuk eksport akan naik.

"Walaupun ia tidak meningkat dalam bentuk wang asing tetapi kita tidak akan menjadi kompetitif dan bersaing dengan produk dari negara jiran yang juga mengalami kejatuhan nilai mata wangnya.

"Kenaikan upah kita tetap akan menaikkan inflasi dan ini akan menyebabkan kenaikan upah tidak menambah daya beli kita," katanya.

Beliau berkata rakyat tidak harus dipengaruhi pandangan pihak asing yang mendakwa bahawa masalah kejatuhan nilai ringgit adalah disebabkan ketidak-cekapan dalam mentadbir negara.

"Mereka hanya pandai menganalisis ekonomi tetapi tidak pernah mengurus apa-apa dan sudah tentu tidak pernah mentadbir mana-mana negara dengan jayanya," kata Perdana Menteri, yang sebelum ini telah menyatakan keyakinannya bahawa negara-negara di rantau ini akan dapat mengatasi masalah mata wang itu.

Persatuan pengguna boleh menolong mengurangkan kos sara hidup para pengguna dengan memberi nasihat dan maklumat yang boleh membendung inflasi.

"Tetapi apabila persatuan pengguna membuat bermacam-macam teguran dan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan mendesak lebih daripada yang diperlukan, maka kos akan meningkat dan pengguna sendiri yang akan memikul bebannya," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata kos sara hidup di negara ini sebenarnya boleh dikurangkan separuh jika rakyat tidak ghairah mengikuti cara-cara bertindak masyarakat yang sudah maju.

"Kita ingin hidup seperti orang di negara maju tetapi kita tidak perlu mengikuti cara-cara mereka yang membazir atau yang tidak perlu," katanya.

Beliau kemudian menyampaikan anugerah sempena sambutan hari pengguna itu yang diadakan sejak enam tahun lepas. Tema tahun ini ialah "Berhati-hati Membeli-belah".

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, dalam ucapannya berkata, para pengguna perlu menukar selera daripada menggunakan barangan berjenama yang diimport kepada barangan tempatan.

Rakyat juga perlu memilih destinasi tempatan sebagai tempat

pelancongan, kata Megat Junid yang pertama kali menghadiri majlis seumpama itu sejak beliau memegang jawatan berkenaan mulai Jun lepas.

Sementara itu dalam majlis hari ini, dekan Fakulti Ekologi Universiti Putra Malaysia Profesor Madya Dr Halimah Ahmad menerima Anugerah Tokoh Pengguna 1996.

Tiga ibu tunggal, Hajah Amra Tunku Raja dari Perak, Hajah Maznah Yaakob dari Melaka dan Puan Ajaib Kaur dari Negeri Sembilan pula menerima Anugerah Ibu Tunggal yang pertama kali diperkenalkan.

Sekolah Menengah Teknik di Kangar, Perlis memenangi anugerah kelab pengguna sekolah terbaik manakala Sekolah Menengah Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu di tempat kedua dan Sekolah Menengah Zainab, Kota Baharu, Kelantan di tempat ketiga.

Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Terengganu menerima anugerah kerana negeri paling aktif manakala anugerah majlis hal ehwal pengguna paling aktif dimenangi oleh Seberang Perai Selatan, Limbang (Sarawak) di tempat kedua dan Kuantan di tempat ketiga. -- BERNAMA

AZZ PR